

Headline	Hutan Simpan Pasoh dijadikan pusat penyelidikan antarabangsa		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	25 Aug 2022	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	25	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	216 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,579
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,737



Hutan Simpan Pasoh dijadikan pusat penyelidikan antarabangsa

“ Kita mahu wujudkan sebagai pusat penyelidikan lebih baik, moden malah kerjasama ini diharapkan menjadi pusat kecemerlangan bagi penyelidikan universiti tempatan dan antarabangsa.”

SEREMBAN - Hutan Simpan Pasoh di Jelebu seluas 1,800 hektar akan dibangunkan menjadi tapak penyelidikan hutan tropika antarabangsa.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, ia selaras dengan keputusan yang dibuat semasa Mesyuarat Lembaga Perhutanan Negeri Sembilan di Pusat Penyelidikan Hutan Pasoh pada Selasa.

"Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah menjalinkan kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk menjadikan Hutan Simpan Pasoh sebagai satu tapak antarabangsa untuk penyelidikan hutan tropika.

"Kita mahu wujudkan sebagai pusat penyelidikan lebih baik dan moden, malah kerjasama ini diharapkan menjadi pusat kecemerlangan bagi penyelidikan universiti tempatan dan antarabangsa," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Mingguan di Wisma Negeri pada Rabu.

Mengulas lanjut, Aminuddin berkata,

menerusi kerjasama itu, FRIM telah memperuntukkan sebanyak RM5.5 juta untuk tujuan pembangunan di kawasan berkenaan.

"Hutan Pasoh yang luas dan tidak pernah diterokai, tiada aktiviti penebangan, ada hidupan liar dan pemandangan yang cukup menarik berpotensi menjadi tarikan pelancong pada masa akan datang," katanya.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata, pihaknya turut berbincang untuk membangunkan kawasan setempat dan berhampiran seperti Gua Pelangi di Pasoh, Taman Negeri Kenaboi dan Pusat Penyelidikan Hutan Pasoh.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Aminuddin berkata, kerajaan Negeri Sembilan akan memastikan hutan-hutan yang tinggal terus terpelihara demi kebaikan generasi masa hadapan.

"Oleh sebab itu, tiada lesen pembalakan dikeluarkan kerajaan negeri sejak mengambil alih tampuk pemerintahan pada tahun 2018," katanya.



AMINUDDIN